

Praktis ke Arah PT3

Bahagian A

Jawab semua soalan dengan memilih jawapan yang betul.

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

- 1 Rajah berikut merupakan sistem pentadbiran yang diwarisi semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Buku
Teks
M/s 4



Apakah peranan sultan?

- A Mengetuai upacara agama
- B Merupakan bayangan tuhan
- C Menjadi lambang kedaulatan
- D Mempamerkan identiti kerajaan

- 2 Kampung ialah unit paling kecil dalam sistem pemerintahan dan struktur sosial masyarakat Melayu.

Buku
Teks
M/s 4

Manakah antara berikut merupakan jawatan yang dikaitkan dengan kampung?

- A Raja
- B Imam
- C Penghulu
- D Pembesar

- 3 Maklumat berikut merupakan undang-undang bertulis daripada warisan Kesultanan Melayu Melaka.

KBAT

- Hukum Kanun Melaka
- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?

- A Bekerjasama menjaga keamanan
- B Bertoleransi menjaga keharmonian
- C Bersatu mencapai kemajuan negara
- D Berusaha elak campur tangan kuasa asing

- 4 Ilustrasi berikut merupakan aktiviti ekonomi orang Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.

Buku
Teks
M/s 6



Apakah hasil bumi yang dikaitkan dengan aktiviti tersebut?

- A Gangsa
- B Bauksit
- C Antimoni
- D Bijih timah

- 5 Maklumat berikut berkaitan sistem ekonomi di Tanah Melayu.

Buku
Teks
M/s 7

- Mata wang
- Percukaian

Apakah kesan pengamalan sistem tersebut?

- A Memakmurkan negeri
- B Menambah pengeluaran
- C Meningkatkan taraf penduduk
- D Mengukuhkan kedudukan raja

- 6 Apakah keistimewaan mata wang emas Kelantan berbanding dengan mata wang negeri-negeri Melayu yang lain?

Buku
Teks
M/s 7

- A Terukir tulisan Jawi
- B Tertera nama sultan
- C Tertulis kalimah Allah
- D Terdapat gambar kijang

- 7 Maklumat berikut berkaitan pendidikan masyarakat di negeri-negeri Melayu.

Buku
Teks
M/s 8

Disampaikan melalui pantun, syair, peribahasa, pepatah, pantang larang dan cerita berbentuk teladan.

Mengapakah kaedah tersebut dilaksanakan oleh masyarakat Melayu?

- A Melatih pemimpin muda
- B Membentuk akhlak mulia
- C Memupuk semangat patriotik
- D Melahirkan rakyat yang berani